

UPM fokus lima teras strategik 2026, pacu impak menuju Visi 2050

Varsity
NEWS

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menetapkan lima fokus strategik utama bagi hala tuju 2026 sebagai usaha memperkukuh peranan universiti ke arah pencapaian Visi 2050, selari dengan Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035.

Lima fokus tersebut merangkumi keterjaminan makanan; kesihatan planet dan kelestarian; kesohoran global; kesejahteraan warga; serta pemerkasaan Jiwa Putra bagi memastikan UPM kekal relevan, berdaya saing dan memberi impak tinggi kepada negara serta komuniti global.

Naib Canselor UPM, Datuk Prof Ir Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata,

pelaksanaan fokus strategik itu diperkukuh menerusi enam pemboleh daya strategik iaitu kecerdasan buatan dan pendigitalan, kelestarian kewangan, tadbir urus berakauntabiliti, penjenamaan dan komunikasi strategik, ekosistem data bersepadu serta peranan alumni sebagai aset strategik universiti.

Menurut beliau, keterjaminan makanan diberikan keutamaan berikutan landskap global yang semakin mencabar, sekali gus menuntut peranan universiti sebagai rakan strategik negara dalam memacu penyelesaian berasaskan ilmu, bakat dan inovasi.

"UPM perlu memainkan peranan lebih nyata dalam mendepani isu rantai bekalan dan geopolitik makanan demi kepentingan negara," katanya pada Majlis Perutusan dan Amanat Naib Canselor 2026 pada Jumaat.

Menurutnya, dalam masa sama, komitmen terhadap kesihatan planet dan kelestarian diterjemahkan melalui pembangunan kampus mesra alam serta penyelesaian berasaskan ilmu yang menyokong keseimbangan antara manusia dan alam sekitar.

"Bagi memperkukuh kesohoran global,

UPM menumpukan kepada pengaruh berasaskan impak melalui kepimpinan bidang tumpuan dan pengantarabangsaan yang lebih strategik, agar kerjasama antarabangsa bukan sekadar bertambah dari segi bilangan, sebaliknya memberi nilai nyata kepada negara.

"Aspek kesejahteraan warga pula memberi penekanan kepada kesejahteraan holistik merangkumi fizikal, mental, sosial dan spiritual, di samping mewujudkan persekitaran kerja serta pembelajaran yang selamat, inklusif dan mesra warga termasuk golongan orang kurang upaya (OKU)," katanya.

Pemerkasaan Jiwa Putra diterjemahkan melalui pengukuhan rasa kepunyaan, budaya khidmat sukarela dan jaringan alumni, sekali gus membentuk warga universiti sebagai ejen perubahan yang menyumbang kepada kecemerlangan dan kelestarian UPM.

Ahmad Farhan berkata, hala tuju strategik ini sejajar dengan aspirasi RPTM 2026-2035 yang meletakkan pendidikan tinggi sebagai "Akal Budi Nusa" serta menuntut perancangan diterjemahkan kepada tindakan berdisiplin dan berimpak tinggi.

"UPM akan memacu agenda ini melalui pelaksanaan yang lebih tersusun serta keputusan berasaskan bukti, berpandukan nilai teras RPTM 2026-2035," katanya.



Ahmad Farhan (dua dari kiri) melancarkan agenda strategik UPM, Blueprint Kesihatan Planet dan Kelestarian selepas Majlis Perutusan dan Amanat Naib Canselor 2026.